

Syor kecuali cukai dana PIBG boleh subur budaya menyumbang

SU terbaru membabitkan peranan dan sumbangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di negara kita mula menarik perhatian khalayak, terutama membabitkan cadangan dan syor untuk memberi status pengecualian cukai kepada penyumbang dana PIBG.

Syor pengecualian cukai kepada penyumbang dana PIBG dikemukakan oleh seorang wakil PIBG baru-baru ini dalam sesi dialog bersama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran ketika mengadakan perjumpaan dengan warga pendidik, pesara guru dan pengurus PIBG dari seluruh negeri Selangor.

Sebagai maklum balas segera kepada cadangan itu, Muhyiddin berjanji akan merujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selaku Menteri Kewangan bagi membincangkan secara terperinci sama ada cadangan ini boleh dilaksanakan ataupun tidak.

Malah cadangan ini boleh dikatakan mendapat sokongan dan maklum balas yang positif daripada Muhyiddin apabila beliau sendiri mengakui bahawa cadangan ini mampu menggalakkan lebih banyak sektor swasta dan masyarakat menyumbang kepada PIBG yang sekali gus akan membantu menambah baik kualiti pendidikan di sekolah di samping dapat membantu mengurangkan beban kerajaan. Untuk rekod, ketika ini sumbangan kepada PIBG tidak menerima sebarang keistimewaan seperti pengecualian cukai.

Kita percaya, ini satu cadangan yang cukup proaktif dan wajar di-beri perhatian khusus oleh pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pelajaran kerana cadangan ini mampu melakar satu haluan baru ke arah mentransformasi peranan dan sumbangan PIBG dalam membantu pihak sekolah melahirkan generasi pewaris yang berkualiti dan berdaya saing.



Masalah utama yang membelenggu PIBG di seluruh negara ialah masalah ketidakcukupan dana untuk menggerakkan aktiviti yang dirancang demi masa depan anak-anak kita **99**

Hal ini kerana sekian lama antara masalah utama yang membelenggu PIBG di seluruh negara ialah masalah ketidakcukupan dana untuk menggerakkan aktiviti yang dirancang demi masa depan anak-anak kita. Akibatnya majoriti PIBG di negara kita beroperasi dan bergerak dalam keadaan yang cukup daif dan menyediakan umpama hidup segan dan mati tak muhu.

Walaupun pelbagai idea ditam-pikan oleh pihak PIBG, namun semuanya hanya tinggal cadangan dan idea semata-mata kerana tidak dapat direalisasikan seperti dirancang disebabkan kekangan dana yang tidak mencukupi.

PEMBACA yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bharian.com.my

Dalam hal ini, satu perkara yang perlu kita sedar ialah sekian lama pelbagai yayasan, pertubuhan mahupun kelab yang berbentuk sukarelawan dan tidak berfokuskan keuntungan di negara kita telahpun mendapat keistimewaan pengecualian cukai kepada penyumbang dana. Maka sudah tiba masanya PIBG yang juga sebuah badan sukarela berkepentingan rakyat dan masa depan negara turut memperoleh dan menikmati status pengecualian cukai terbabit. Ia sangat wajar dan cukup signifikan untuk direalisasikan.

Tambahan pula, cadangan pengecualian cukai ini mampu membuka satu lagi lembaran dan dimensi baru untuk memberi nafas baru kepada semua PIBG di seluruh negara. Hal ini kerana kita yakin ramai bekas pelajar sekolah masing-masing telah-pun berjaya menjawat jawatan yang baik sama ada di sektor awam mahupun swasta di samping menjadi usahawan berjaya.

Justeru, kita percaya mereka akan menyumbang kepada dana PIBG andai kemudahan pengecualian cukai ini dapat direalisasikan. Langkah ini juga mampu menyuburkan budaya menyumbang kembali kepada 'alma mater' masing-masing sebagai tanggungjawab sosial individu mahupun tanggungjawab sosial korporat swasta.

**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED,**
*Universiti Putra Malaysia,
Serdang, Selangor.*